

DATE: 4/11 / 2008

UTUSAN MALAYSIA

Kertas Putih Pertahanan tidak dikeluarkan – PM

Oleh AMIRAH SYAFAAT

um - 4/11/2008

**Kementerian
Pertahanan kini dalam
proses menerbitkan
Dasar Pertahanan
Negara edisi Terbuka
untuk makluman awam**

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan kerana bukan menjadi satu amalan dokumen tersebut dibaca melalui Dewan Rakyat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata, Malaysia telah mempunyai Dasar Pertahanan Negara edisi Rahsia untuk edaran dalaman yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. “Kementerian Pertahanan kini dalam proses menerbitkan Dasar Pertahanan Negara edisi Terbuka untuk makluman awam,” katanya dalam ja-

wapan bertulis pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Liew Chin Tong (DAP-Bukit Bendera)** yang mahu tahu tentang kebaikan kerajaan mengemukakan Kertas Putih Pertahanan yang menggulung dasar pertahanan dan analisis daripada pandangan Malaysia terhadap keadaan terkini keselamatan pertahanan negara dan rantau.

Abdullah berkata, penerbitan Dasar Pertahanan edisi Terbuka itu akan menyentuh aspek dasar pertahanan yang sedang diguna pakai selain memaparkan aspek hubungan kerjasama pertahanan, isu-isu keselamatan dan pertahanan serantau dan juga luar rantau.

ABDULLAH Ahmad Badawi (kiri) bersama Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas hadir Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Perkarangan Dataran Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

– Bernama